

TERHAD

PTP BIL.43
LAMPIRAN B



**NOTIS JUALAN SEBUTHARGA
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
NEGERI SABAH BAGI STESEN KOTA KINABALU
BIL. 9/2024**

1. Tawaran adalah dipelawa dari individu/syarikat yang berminat untuk membeli barang seperti di bawah:

Lot.	DESKRIPSI BARANG	Kuantiti (KG)	Harga Rizab (RM)	Deposit Sebutharga	Tempat Barang Disimpan
1	PAHA AYAM (FROZEN CHICKEN PART, BONE IN LEGS) NO. KONTENA : CXRU1551111	27,000	RM 108,000.00	5% daripada harga tawaran	PELABUHAN SEPANGGAR,Bahagian Perkastaman, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Sabah

20 NOV 2024


2. Barang boleh dilihat pada pada jam 10:00 pagi (1 hari sahaja) di Pelabuhan Sepanggar, Bahagian Perkastaman, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Sabah.
3. Individu/ syraikat/ wakil syarikat yang berminat untuk melihat barang perlu menyediakan satu (1) salinan kad pengenalan bagi permohonan pas masuk ke pelabuhan. Sila emailkan ke unitstorkk@gmail.com 3 hari sebelum tarikh lihat barang.
4. Semasa hari melihat barang, Individu/ syraikat/ wakil syarikat dikehendaki memakai **jaket dan topi keselamatan** sepanjang tempoh tersebut. Individu/wakil syarikat tidak akan diberikan masuk ke kawasan pelabuhan sekiranya keperluan ini tidak dipenuhi.

5. Syarat-syarat dan peraturan sebutharga adalah seperti berikut:
 - 5.1 Barang akan dijual tertakluk kepada harga rizab.
 - 5.2 Penyebutharga dikehendaki menyertakan deposit sebutharga sebanyak 5% daripada harga tawaran. Deposit sebutharga hendaklah dalam bentuk *draf bank* atau kiriman wang pos atau *banker's cheque* atas nama **KETUA PENGARAH KASTAM**.
 - 5.3 Setiap tawaran lot hendaklah menggunakan borang tawaran yang berasingan dan deposit yang berasingan.
 - 5.4 Tawaran tanpa/kurang deposit sebutharga tidak akan dipertimbangkan.
 - 5.5 Semua barang adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*)
 - 5.6 JKDM tidak bertanggungjawab ke atas barang yang telah dijual.
 - 5.7 Semua perbelanjaan berkaitan pembelian barang seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh sendiri penyebut harga berjaya.
 - 5.8 Penyebut harga yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh notis pemakluman berjaya dalam sebutharga. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebutharga akan dilucutkan.

- 5.9 Penyebut harga yang berjaya hendaklah mengambil barang dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat akan dilucutkan.
- 5.10 Bagi penyebutharga yang berjaya, deposit harga akan diselaraskan dengan jumlah baki bayaran yang perlu dijelaskan. Pemulangan deposit sebutharga bagi pembida yang tidak berjaya akan diproses sebaik sahaja keputusan sebutharga dimaklumkan
6. Sebagai peringatan, pihak JKDM tidak pernah melantik pihak ketiga dalam penjualan barang dagangan sebut harga **Bil. 09/2024**
7. Pembeli yang berminat menyertai tawaran sebutharga hendaklah menggunakan Borang Menyertai Sebutharga (LAMPIRAN C) yang boleh diperolehi di alamat seperti di perenggan 8.
8. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan ditanda nombor **Sebutharga Bil. 09/2024** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan dalam peti sebutharga di alamat:

Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Bahagian Penguatkuasaan,
Wisma Penguatkuasaan Sepanggar,
Unit Stor Penguatkuasaan Kota Kinabalu,
KM 18, Jalan Teluk Sepanggar,
88450 KOTA KINABALU SABAH

9. Tarikh tutup sebutharga pada 12 5 NOV 2024 jam 12.00 tengahari. Tawaran yang diterima lewat daripada tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.



14/11/2024

(**SITI BINTI MANG**
Penolong Ketua Pengarah Kastam
Zon Sabah)
Penolong Ketua Pengarah Kastam,
Zon Sabah

Alamat : Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Menara Kastam Sabah
Jalan UMS
88400 Kota Kinabalu. Sabah.

Tarikh :

Cop :

*Ph (P) Caw Siasatan/ Tn.Ph (P) Caw. Narkotik IP/Pen.KPK Zon/ POP/ PKN

Nota : Syarat-syarat dan kandungan sebutharga boleh dipinda mengikut arahan/ keperluan dari semasa ke semasa.